

PENERAPAN NILAI KEADILAN DALAM BIDANG-BIDANG UTAMA KEHIDUPAN MASYARAKAT BERTAMADUN: ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF AL-QUR'AN

Oleh:

Ahmad Zaki bin Brahim @ Ibrahim *

Abstract

This article tries to elaborate the concept of justice in Islam and its application in the major fields of civilized society based on Quranic perspective. By examining the verses of al-Qur'an and the practice of al-sahābah and Muslim leaders in Islamic history, it concludes that Islam has its own interpretation of justice as has been practiced in Muslim society especially in the time of Prophet and his companions. The significant of practicing this value by man as vicegerent of God in this world i.e. in legislative, executive and judicative and other fields of life will be expounded in this article.

PENDAHULUAN

Allah SWT mencipta dan menempatkan manusia di bumi sebagai khalifah agar mereka dapat mengurus dan membangunkan bumi ini.¹ Tanggungjawab manusia sebagai khalifah adalah suatu amanah yang mesti dilaksanakan mereka berasaskan prinsip 'ubūdiyyah terhadap Allah SWT.² Pelaksanaan tanggungjawab khalifah berasaskan prinsip ini menuntut manusia mengurus dan mentadbir urusan bumi ini selaras dengan sistem dan seluruh ketetapan yang telah dinyatakan oleh Allah SWT menerusi al-Qur'an dan al-Sunnah. Hikmah Allah SWT memilih manusia sebagai khalifah ialah sebagai ujian (*al-ibtilā'*) dari-Nya untuk menentukan sejauh mana manusia dapat melaksanakan tugas tersebut dengan cara yang sebaik-baiknya. Firman Allah SWT:

* Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim, Ph.D, adalah Profesor Madya di Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau juga merupakan bekas Dekan Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.

¹ Al-Baqarah (2): 30.

² Al-Dharyat (51): 56.

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ
لِيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٦٥﴾

Maksudnya:

“Dialah yang menjadikan kamu sebagai khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa derajat kerana Dia hendak menguji kamu pada apa yang dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah segera azab siksaNya dan sesungguhnya Dia amat pengampun, lagi amat mengasihani.” (Surah al-An‘am [6]: 165)

FirmanNya lagi:

ثُمَّ جَعَلْنَاكُمْ خَلَائِفَ فِي الْأَرْضِ مِنْ بَعْدِهِمْ لِنَنْظُرَ كَيْفَ تَعْمَلُونَ ﴿١٤﴾

Maksudnya:

“Kemudian Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) khalifah di bumi menggantikan mereka yang telah dibinasakan itu supaya Kami melihat apa pula corak dan bentuk kelakuan kamu akan lakukan.” (Surah Yunus [10]: 14)

Al-Imām al-Qurṭubī dalam kupasannya terhadap ayat-ayat ini dan ayat-ayat yang seumpamanya menjelaskan bahawa pelaksanaan manusia terhadap tanggungjawab ini sama ada selaras dengan ketentuan Allah SWT atau sebaliknya melayakkan mereka untuk diberikan pahala atau pun dosa. Lantaran itu pembalasan seperti itu pula memperlihatkan keadilan Allah SWT dalam memutuskan hukuman ke atas amalan manusia sesuai dengan bentuk amalan mereka di dunia ini.³

Ulama Islam melihat dan menghuraikan konsep ‘khalifah’ dari dua perspektif, iaitu *istikhlāf ‘ām* dan *istikhlāf khāṣ*. Perspektif *istikhlāf ‘ām* merujuk kepada kekhalfahan manusia di bumi yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT agar mereka mengurus, dan membangunkan bumi ini. Tanggungjawab ini dimulakan dengan Nabi Adam (a.s) dan diwarisi kemudiannya oleh zuriat-zuriatnya, manakala *istikhlāf khāṣ* pula merujuk kepada *istikhlāf* dalam pemerintahan yang dilihat dalam dua kategori, iaitu *istikhlāf* negara dan *istikhlāf* pimpinan secara individu. *Istikhlāf* negara adalah institusi masyarakat utama yang bertanggungjawab menjaga kemerdekaan dan

³ Al-Qurṭubī, Abū ‘Abd Allāh, Muḥammad ibn Aḥmad al-Anṣārī (1954), *al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qur‘ān*, j. 8, Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, h. 318.

Penerapan Nilai Keadilan Dalam Bidang Utama Kehidupan Masyarakat Bertamadun

ketuanan negara, menjaga rakyat jelata agar memastikan kemaslahatan-kemaslahatan mereka boleh diperolehi, menyebarkan agama Allah SWT melalui jihad dan menjamin rakyat tidak terjerumus ke lembah kesesatan. Dalam hubungan ini, Allah SWT berfirman:

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ
كََمَا أَسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي ارْتَضَىٰ
لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّن بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَن
كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٥٥﴾

Maksudnya:

“Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman di antara kamu dan mengerjakan amal-amal yang saleh bahawa Dia sungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka berkuasa, dan sungguh Dia akan meneguhkan bagi mereka agama yang telah diredhaiNya untuk mereka, dan Dia benar-benar akan menukar (keadaan) mereka, sesudah mereka berada dalam ketakutan menjadi aman sentosa. Mereka tetap menyembahKu dengan tiada mempersekutukan sesuatu apapun dengan Aku. Dan barangsiapa yang (tetap) kafir sesudah (janji) itu, maka mereka itulah orang-orang yang fasik.” (Surah al-Nur [24]: 55)

Manakala *istikhlāf* pimpinan secara individu adalah *istikhlāf* kepemimpinan negara yang menentukan bahawa umat Islam bertanggungjawab untuk memilih ketua negara di kalangan mereka berasaskan perlembagaan negara, yang mana prinsip-prinsip asasnya ditentukan al-Qur’an.⁴ Untuk membolehkan manusia berperanan secara berkesan sebagai khalifah, mereka diperingatkan oleh al-Qur’an agar tidak mengabaikan sistem nilai yang ditetapkan oleh Islam bagi memastikan mereka dapat menonjolkan di pentas Dunia satu bentuk kepemimpinan unggul yang akan mementaskan di hadapan khalayak ummah satu kepemimpinan bersifat *‘baldatun tayyibatun wa rabbun ghafūr’*. Antara nilai yang amat ditekankan oleh Islam ialah nilai keadilan. Makalah ini, selain dari berusaha mengemukakan satu definisi lengkap tentang konsep ‘keadilan’ berasaskan ruang cakupan dan medan maknanya yang luas, juga selanjutnya akan turut menghuraikan penerapan nilai ini dalam bidang-bidang utama kehidupan manusia.

⁴ ‘Alī Muḥammad Ḥusnayn, Dr. (1985), *Riqābah al-Ummah ‘ala al-Ḥukkām: Dirāsah bayna al-Syari‘ah wa al-Ḥukm al-Waḍ‘ī*, Beirut: al-Maktabah al-Islāmiyyah, h. 12.

NILAI KEADILAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN KEKHALIFAHAN MANUSIA

Allah SWT yang mengamanahkan tanggungjawab khalifah kepada manusia di bumi ini telah melengkapkan keadilanNya dengan menyediakan risalah Islam kepada umat manusia. Risaiah ini mengandungi akidah yang merujuk keyakinan terhadap asas-asas iman dan penghayatan yang menepati keyakinan itu. Ia juga terkandung di dalamnya syariah, yang merujuk kepada undang-undang, sistem organisasi, juga sistem akhlak. Semuanya ini disampaikan oleh Allah SWT melalui perutusan Rasul-Rasul yang dipilihNya terdiri dari kalangan manusia.

Suatu hakikat yang harus disedari bahawa kekhalfahan manusia di bumi adalah berasaskan penentuan Allah SWT dan perakuan manusia terhadap pengabdianNya terhadap Allah SWT. Dengan ungkapan yang lain, ia boleh dinyatakan bahawa kekhalfahan tersebut adalah tanggungjawab keduniaan untuk dilaksanakan manusia di bumi sebagai memenuhi pengabdianNya terhadap Allah SWT. Pelaksanaan tanggungjawab dan amanah ini memerlukan perancangan dan sistem dalam segala aspek kehidupan agar matlamatnya dapat dicapai, di samping manusia dapat membangunkan bumi ini. Berasaskan pengertian ini, sistem kemasyarakatan dalam Islam adalah bertitik-tolak dari hakikat dan konsep khalifah, sama ada dari perspektif umum yang tetap dan kaedah pelaksanaannya telah dijelaskan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah.

Antara asas utama dalam melaksanakan peranan khalifah, manusia dituntut berlaku adil, berakhlak (beretika) berasaskan nilai kemanusiaan sejagat dan membudayakan amalan melaksanakan keadilan dan berakhlak mulia dalam kehidupan mereka, sebagaimana yang terangkum dalam prinsip amar ma'ruf dan nahi munkar. Allah SWT berfirman:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan (ihsan), serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan munkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini) supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.” (Al-Nahl (16): 90)

Di dalam al-Qur'an terdapat 54 ayat yang menjelaskan persoalan keadilan dan pengadilan menyentuh pelbagai masalah. Sejumlah 320 ayat lain menyentuh kezaliman

Penerapan Nilai Keadilan Dalam Bidang Utama Kehidupan Masyarakat Bertamadun

yang dilihat sebagai tindakan yang keji. Sebahagian kenyataan al-Qur'an yang menyentuh persoalan keadilan, pengadilan dan kezaliman mendahului atau mengakhiri penjelasan Allah SWT mengenai prinsip, kaedah, hukum dan undang-undang dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Hakikat ini menjelaskan tentang perlunya seluruh tindakan dan kerjaya manusia terikat dengan nilai keadilan dan akhlak mulia.

Kenyataan al-Qur'an itu juga membuktikan pentingnya keadilan menurut perspektif Islam. Islam sebenarnya menuntut manusia membudayakan amalan berlaku adil dalam seluruh tindakan, dan sebagai konsekwen daripada itu, kehidupan sosial manusia akan terjamin berada dalam keadaan aman dan sejahtera. Islam melihat keadilan sebagai antara nilai dan tuntutan akhlak yang utama sesuai dengan perutusan Islam untuk menyempurnakan akhlak yang mulia. Menghayati keadilan bererti menghayati nilai akhlak Islam yang utama. Kedudukan keadilan sebagai nilai utama akhlak Islam adalah dilihat dari sudut kecenderungan untuk berlaku adil dalam tindakan dan mencintai kebenaran dipengaruhi olehnya. Berasaskan hakikat ini, hukum dan peraturan yang adil dan tindakan melaksanakannya secara adil bererti tindakan melaksanakan tuntutan kebenaran. Hakikatnya, terdapat hubungan antara tindakan manusia melaksanakan keadilan sama ada bersifat kebendaan atau bukan kebendaan dengan kebenaran yang mempunyai asas yang tetap. Ketika keadilan berlaku dan disempurnakan berasaskan kebenaran dari sudut amalan, pengucapan, pengurusan, undang-undang dan peraturan, keadilan dan kebenaran dapat ditegakkan secara serentak. Firman Allah SWT:

اللَّهُ الَّذِي أَنْزَلَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ وَالْمِيزَانَ ۗ وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّ السَّاعَةَ قَرِيبٌ ﴿١٧﴾

Maksudnya:

"Allahlah yang menurunkan kitab dengan (membawa) kebenaran dan (menurunkan) keterangan yang menjadi neraca (keadilan). Dan apa jalannya engkau dapat tahu? Boleh jadi Hari Kiamat itu sudah hampir dekat?"
(Surah al-Syura [42]: 17)

Kenyataan ini memperlihatkan nilai keadilan terikat dengan nilai kebenaran dan kayu ukur kebenaran itu sendiri. Berasaskan nilai kebenaran dan kayu ukurnya, sesuatu pertimbangan yang mampu menyerlahkan keadilan dapat disempurnakan.⁵ Bagi menentukan proses pembudayaan keadilan dalam kehidupan manusia dapat dilakukan, Islam menentukan peraturan dan akhlak dalam seluruh proses pengadilan. Semua peraturan ini mengikat setiap tindakan dan proses pengadilan yang dilakukan manusia dengan pengadilan Allah SWT di hari akhirat kelak. Prinsip ini akan lebih menjamin setiap pihak yang terlibat dengan proses untuk menegakkan keadilan dalam

⁵ Al-Maydānī, 'Abd al-Rahmān Ḥasan Ḥabannakah (1992), *al-Akhḫāq al-Islāmiyyah wa Ususuhā*, j. 1, Damsyiq: Dār al-Qalam, h. 626.

masyarakat seperti para pemerintah, dan pengamal undang-undang menjadi lebih bertanggungjawab, berakhlak dan bertindak secara profesional dalam menjalankan tanggungjawab dan peranan masing-masing. Manakala pihak yang merasakan dirinya dizalimi, haknya diperkosa dan ditindas dalam proses pengadilan di dunia, mempunyai tempat untuk membuat aduan dan tetap akan memperoleh keadilan sebenar pada akhirnya. Keadaan ini boleh menjamin kedamaian psikologi, dan keamanan dan kesejahteraan manusia seluruhnya di dunia ini.

Dalam hubungan ini, Allah SWT bukan sekadar memerintahkan umat Islam agar berlaku adil, tetapi juga turut memperlihatkan bahawa usaha menegakkan keadilan adalah sebagai sebahagian daripada tuntutan iman. Di samping itu, nilai sebenar seseorang muslim ditentukan berdasarkan sejauh mana ia bertindak secara adil sebagai manifestasi kecintaannya terhadap kebenaran. Firman Allah SWT:

﴿ يٰٓاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا كُوْنُوْا قَوّٰمِيْنَ بِالْقِسْطِ شُهَدَآءَ لِلّٰهِ وَلَوْ عَلٰى اَنْفُسِكُمْ اَوْ
اَلْوَالِدِيْنَ وَالْاَقْرَبِيْنَ ؕ اِنْ يَكُنْ غَنِيًّا اَوْ فَقِيْرًا فَاَللّٰهُ اَوْلٰى بِهَمَّآ فَلَا تَتَّبِعُوْا
اَهْوٰى اَنْ تَعْدِلُوْا وَاِنْ تَلَوْا اَوْ تَعْرَضُوْا فَاِنَّ اللّٰهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُوْنَ حٰبِيْرًا ﴿١١٥﴾

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar penegak keadilan, menjadi saksi kerana Allah biarpun terhadap dirimu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabatmu. Jika ia kaya atau miskin, maka Allah lebih tahu kemaslahatannya. Maka janganlah kamu mengikuti hawa nafsu kerana ingin menyimpang dari kebenaran. Dan jika kamu memutar balikkan (kata-kata) atau enggan menjadi saksi, maka sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui segala apa yang kamu kerjakan.” (Surah al-Nisa’ [4]: 135)

Manakala dalam firmanNya yang lain, Allah SWT menegaskan:

﴿ يٰٓاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا كُوْنُوْا قَوّٰمِيْنَ لِلّٰهِ شُهَدَآءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ
شَتْرٰنُ قَوْمٍ عَلٰى اَلَّا تَعْدِلُوْا اَعْدِلُوْا هُوَ اَقْرَبُ لِلتَّقْوٰى وَاتَّقُوا اللّٰهَ ؕ اِنَّ
اللّٰهَ حٰبِيْرٌۢ بِمَا تَعْمَلُوْنَ ﴿١١٦﴾

Maksudnya:

“Hai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil.

Penerapan Nilai Keadilan Dalam Bidang Utama Kehidupan Masyarakat Bertamadun

Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah kerana adil itu lebih dekat kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan." (Surah al-Maidah [5]: 8)

Menerusi dua pernyataan ini, Allah SWT memperlihatkan bahawa kedua-dua aspek, iaitu kepimpinan dan kesaksian hendaklah dilaksanakan secara adil selaras dengan iltizam setiap muslim dalam menunaikan kewajipan secara ikhlas kerana Allah SWT.

Nilai keadilan adalah antara nilai utama yang diterapkan dalam pengurusan dan pemerintahan Islam, berasaskan pendekatan *hadāri*,⁶ iaitu pengurusan secara bertamadun. Pengurusan bertamadun dari perspektif Islam ialah pengurusan yang diasaskan kepada nilai-nilai utama tamadun Islam, antaranya ialah keadilan, ilmu pengetahuan, kebijaksanaan, beretika dan lain-lain lagi. Kalangan ulama Islam mendefinisikan 'keadilan' sebagai 'meletakkan sesuatu yang bersesuaian dengan kedudukan dan tempat' atau 'memberi dan menentukan setiap yang berhak memperoleh haknya secara sah dan bersesuaian'. Atau boleh didefinisikan sebagai 'penyamaan dari sudut pemberian dengan apa yang menjadi tuntutan kebenaran tanpa dilebih atau dikurang'.⁷

Nilai keadilan tidak terbatas kepada suatu pihak sahaja dalam sesuatu isu, tetapi turut melibatkan dua pihak atau lebih. Keadilan dikira berlaku apabila semua pihak memperoleh haknya secara benar. Sebagai contoh, dalam hak berkaitan harta yang melibatkan beberapa pihak seperti hak peribadi untuk orang yang mengusahakannya, hak untuk pihak yang menjadi kewajipan pengusaha membelanjakan harta untuk mereka seperti isteri dan anak-anak serta kaum kerabatnya, hak awam untuk orang ramai dan keperluan masyarakat umum dan juga hak untuk para *fuqarā'* dan orang-orang miskin. Apabila semua pihak yang terlibat dengan hak tersebut memperoleh hak masing-masing, maka berlakulah keadilan. Jika tidak, kezaliman atau kepincangan akan berlaku. Di sini Islam menghendaki pengusaha melakukan usaha berasaskan tuntutan syariah dan menerusi usaha tersebut mereka mempunyai hak memiliki sesuatu harta. Walau bagaimanapun, pemilikannya terikat dengan kewajipan menunaikan hak secara benar terhadap pihak lain yang ada kaitan dengan pemilikan hartanya dalam konteks hak wilayah. Jika pemilik mengkhianati amanah terhadap pihak

⁶ Istilah *hadārah* seperti kalimah *tamaddana* yang menjadi asal kalimah tamadun Melayu, adalah dua perkataan yang mempunyai pengertian yang sinonim dengan *tamaddana*, bererti menghayati kehidupan orang bandar. Manakala *hadārah* bererti mendatangi bandar dan berbudaya dengan kehidupannya. Lihat 'Abd al-Ghani' Abū (1981), *al-Ḥadārah al-Islāmiyyah wa al-Ḥadārah al-Mu'asārah*, Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, hh. 21-22.

⁷ Al-Maydānī, *op.cit.*, j. 1, h. 122.

yang berhak, maka menjadi kewajiban pihak wilayah tertinggi, iaitu negara dan institusi-institusinya menggunakan kuasa undang-undang bagi memastikan hak-hak yang berkaitan ditunaikan secara sempurna.

Keadilan bukanlah bererti persamaan sepenuhnya. Tuntutan ke arah memperoleh hak persamaan umum di antara manusia dalam semua aspek kehidupan atas dakwaan untuk menegakkan prinsip keadilan sejagat, adalah merupakan suatu pengkhianatan dan kezaliman. Ini kerana antara manusia; lelaki sesama lelaki, atau wanita sesama wanita, dan lelaki dan wanita pada asasnya adalah tidak sama. Atas kesedaran bahawa wujudnya ketidaksamaan antara manusia, adalah sesuatu yang zalim dan tidak adil mempersamakan antara mereka jika dilihat sama ada dari perspektif rasional akal atau agama. Seperti bukan suatu tindakan yang bijak dan adil bagi seorang guru umpamanya memberi markah yang sama kepada semua pelajarinya atas prinsip untuk menyamakan antara mereka, sedangkan antara mereka ada yang rajin dan ada yang malas. Bahkan tindakan memberi markah yang sama antara pelajar yang berbeza adalah merupakan suatu kezaliman jika dilihat dari perspektif hak ilmu.

Nilai keadilan perlu diterapkan setelah mengambil kira nilai sesuatu kerja, keperluan dan lain-lain faktor berasaskan prinsip kebenaran. Seorang suami yang memiliki dua atau lebih isteri tidak terikat agar memberikan nafkah kepada semua isterinya secara sama sekiranya terdapat antara isteri-isterinya yang mempunyai tanggungjawab yang berbeza. Sebagai contohnya, isteri pertamanya mempunyai tanggungjawab terhadap dua orang atau lebih anak, sedangkan isteri kedua hanya mempunyai seorang anak dan yang ketiga tidak dikurniakan seorang anak pun atau sebaliknya. Namun demikian, bagi setiap dua atau lebih isterinya, seorang suami terikat dengan hak dan kewajiban memenuhi giliran isteri-isterinya tanpa sedikit pun dipengaruhi kedudukan atau keistimewaan yang dimiliki oleh mana-mana isterinya seperti kecantikan, kemudaan dan sebagainya, hingga mendorongnya melebihi giliran hari untuk mana-mana isterinya mengatasi isteri yang lain. Adalah sesuatu kezaliman juga andaikata salah seorang isterinya mengeksploitasikan keistimewaan yang dimilikinya seperti cantik, muda dan keistimewaan-keistimewaan lain agar si suami menjadi miliknya seorang dan tidak bagi madu-madunya yang lain.

Sebenarnya Islam telah meletakkan keadilan dalam perspektif yang luas. Akidah dan keimanan manusia juga terikat dengan keadilan. Keimanan manusia terhadap Allah SWT merupakan manifestasi pengiktirafan mereka terhadap kekuasaan dan keagungan Allah SWT, dan keakuran atau ketundukan mereka terhadap undang-undang, sistem dan seluruh perintahNya. Pengakuan dan pengiktirafan yang benar dan tepat dari sudut pengucapan dan penghayatan adalah merupakan pengakuan yang adil. Iman dan akidah yang benar adalah iman yang tidak disaluti oleh sifat zalim. Allah SWT berfirman:

Penerapan Nilai Keadilan Dalam Bidang Utama Kehidupan Masyarakat Bertamadun

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ أُولَٰئِكَ لَهُمُ الْأَمْنُ وَهُمْ مُهْتَدُونَ ﴿٨٢﴾

Maksudnya:

“Orang-orang yang beriman dan tidak mencampuradukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan mendapat hidayat.” (Surah al-An‘am [6]: 82)

Iman yang tidak disaluti kezaliman ialah iman yang tidak diselimuti syirik, sebagaimana firman Allah SWT:

وَإِذْ قَالَ لَقْمَنُ لِبَنِيهِ ۖ وَهُوَ يَعِظُهُ ۚ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ ۚ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya:

“Janganlah kamu mempersekutukan Allah, sesungguhnya mempersekutukan Allah adalah benar-benar kezaliman yang besar.” (Surah Luqman [31]: 13)

Syirik dari perspektif Islam merangkumi syirik iktikad dan amalan. Syirik iktikad ialah menduakan Allah SWT dengan sesuatu yang lain dari makhlukNya, termasuk manusia, dari sudut keyakinan dan pengabdian. Iktikad seperti ini dikira zalim terhadap zat Allah SWT dan terhadap kerasionalan akal manusia itu sendiri. Manakala syirik amalan pula ialah penggunaan undang-undang, kaedah dan sistem yang lain dari yang telah ditentukan Allah SWT dalam amalan kehidupan manusia, sama ada di peringkat individu atau kemasyarakatan. Firman Allah SWT:

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَتَّخِذُ مِن دُونِ اللَّهِ أَندَادًا يُحِبُّوهُمْ كَحُبِّ اللَّهِ ۗ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا أَشَدُّ حُبًّا لِلَّهِ ۗ وَلَوْ يَرَى الَّذِينَ ظَلَمُوا إِذْ يَرَوْنَ الْعَذَابَ أَنَّ الْقُوَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا وَأَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعَذَابِ ﴿١٦٥﴾

Maksudnya:

“Dan terdapat juga di antara manusia yang mengambil selain dari Allah untuk menjadi sekutunya, mereka mencintainya, sebagaimana mereka mencintai Allah, sedang orang-orang yang beriman itu lebih mencintai Allah dan kalaulah orang-orang yang melakukan kezaliman (syirik) itu mengetahui ketika mereka melihat azab pada hari akhirat kelak, bahawa sesungguhnya kekuatan dan kekuasaan itu semuanya tertentu bagi Allah dan bahawa Allah itu maha berat azab seksanya.” (al-Baqarah [2]: 165)

Dalam beberapa firmanNya yang lain, Allah SWT telah menyifatkan mereka yang mengambil kaedah, hukum dan peraturan yang lain dari yang dikemukakanNya sebagai amalan hidup, baik dalam dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan sebagainya sebagai golongan yang zalim, tidak berakhlak dan telah memendamkan tuntutan Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ ﴿٥٤﴾

Maksudnya:

“Barangsiapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang kafir.” (Surah al-Maidah [5]: 44)

وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٥٥﴾

Maksudnya:

“Barangsiapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim.” (Surah al-Maidah [5]: 45)

وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya:

“Barangsiapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang fasik.” (Surah al-Maidah [5]: 47)

Dalam kenyataan lain pula, al-Qur’an menyifatkan masyarakat yang menggunakan undang-undang dan peraturan yang lain dari hukum Allah SWT atau melaksanakan proses pengadilan yang tidak bercirikan nilai-nilai akhlak sebagai masyarakat yang berbudaya jahiliah. Firman Allah SWT:

أَفْحُكْمَ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْغُونَ ۚ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ حُكْمًا لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿٥٠﴾

Maksudnya:

“Apakah hukum Jahiliyah yang mereka kehendaki, dan (hukum) siapakah yang lebih baik daripada (hukum) Allah bagi orang-orang yang yakin?” (Surah al-Maidah [5]: 50)

Penerapan Nilai Keadilan Dalam Bidang Utama Kehidupan Masyarakat Bertamadun

Bagi seseorang mukmin, lelaki atau wanita; mereka sama sekali tidak dibenarkan mempunyai pilihan dan alternatif lain dalam perkara yang nyata dan telah terdapat ketentuan Allah SWT dan Rasul tentangnya. Firman Allah SWT:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

Maksudnya:

“Dan tidaklah patut bagi laki-laki yang beriman dan tidak (pula) bagi perempuan yang beriman apabila Allah dan RasulNya telah menetapkan suatu ketetapan, akan ada bagi mereka pilihan (yang lain) tentang urusan mereka. Dan barangsiapa mendurhakai Allah dan rasulNya, maka sungguhlah dia telah sesat, sesat yang nyata.” (Surah al-Ahzab [33]: 36)

Berasaskan fakta ini, isu keadilan jika dilihat dari perspektif Islam tidaklah terbatas dalam institusi kehakiman dan proses pengadilan semata-mata, tetapi merangkumi penggunaan dan penguasaan seluruh asas perundangan dan peraturan yang telah ditetapkan Allah SWT dalam semua tindakan manusia dalam semua aspek kehidupan mereka.

PENERAPAN KEADILAN DALAM BIDANG-BIDANG UTAMA KEHIDUPAN MASYARAKAT BERTAMADUN

Antara bidang-bidang utama yang terikat dengan keadilan menurut Islam adalah seperti berikut:

1. Wilayah atau Kuasa Terhadap Manusia

Wilayah atau kekuasaan ke atas manusia dari serendah-rendah hingga setinggi-tingginya adalah terikat dengan keadilan. Sebagai contoh, seorang suami dituntut oleh Allah untuk berlaku adil terhadap isteri atau isteri-isterinya. Firman Allah SWT:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَقْسُطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَىٰ وَتِلْكَ وَرُزْعَةً فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ ذَلِكَ

أَدْنَىٰ أَلَّا تَعُولُوا ﴿٦٧﴾

“Dan jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil terhadap (hak-hak) perempuan yatim (bilamana kamu mengahwininya), maka kahwinilah wanita-wanita (lain) yang kamu senangi, dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil, maka (kahwinilah) seorang sahaja, atau hamba-hamba yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat kepada (untuk mncegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.” (Surah al-Nisa’ [4]: 3)

Seorang bapa atau ibu dituntut berlaku adil terhadap semua anak yang dilahirkannya, iaitu dengan menyediakan keperluan dasarnya seperti pakaian, makanan, minuman, menunaikan hak psikologinya, pendidikan, pengetahuan dan akhlaknya. Rasulullah s.a.w. mengingatkan ibubapa supaya menyeimbangkan secara adil pemberian kepada anak-anak, sama ada yang berbentuk kebendaan atau kasih sayang. Dalam konteks masyarakat Arab sebelum Islam, mereka memandang rendah dan hina pada anak-anak perempuan hingga sanggup menanam anak perempuan mereka hidup-hidup setelah dilahirkan. Dalam erti kata yang lain, kejadian perempuan dari sudut biologi dan fizikalnya adalah lemah berbanding dengan lelaki dan dalam konteks masyarakat Jahiliyyah, kelemahan ini mendedahkannya kepada perlakuan tidak adil. Atas hakikat ini Rasulullah s.a.w. ketika menyentuh tentang kepentingan seseorang muslim menunaikan hak dan tanggungjawab terhadap tanggungan mereka, mengingatkan mereka agar memberi keutamaan dan perhatian yang lebih kepada perempuan berbanding dengan lelaki.⁸

Demikian juga hak pemerintah terhadap rakyatnya dari semua peringkat di mana ia mestilah berperanan berasaskan prinsip dan nilai keadilan. Salah satu golongan yang layak bernaung di bawah naungan ketika tidak ada naungan kecuali naungan Allah SWT di padang mahsyar kelak ialah para pemerintah yang berlaku adil dalam pemerintahannya.⁹ Tuntutan Allah SWT kepada manusia agar mentaati para pemerintah, tertakluk kepada sejauhmana pemerintah tersebut berlaku adil terhadap rakyatnya. Ibn Hazm menyatakan bahawa jika kezaliman dan kemungkaran atau seumpamanya dilakukan oleh pemerintah, maka menjadi kewajipan bagi orang yang mengetahui, yakni ulama menjelas dan mencegahnya. Jika teguran tersebut dipatuhi, maka pemerintah tersebut masih mempunyai kelayakan untuk memerintah, tetapi jika sebaliknya, ia sewajarnya dilucutkan kerana sikap yang diperlihatkan iaitu enggan mematuhi teguran ulama, menghilangkan kelayakannya memerintah dan hal ini selari

⁸ Sila lihat hadith riwayat al-Ṭabarānī melalui ‘Abd AlFah Ibn Mas‘ūd, Subḥī Ṣālih (1970), *al-Nuzum al-Islāmiyyah*, Kaherah: Maktabah al-Naḥḍah al-Islāmiyyah, h. 444.

⁹ Al-Nawāwī, Muḥy al-Dīn, Abū Zakariyya, Yaḥya ibn Syaraf (1964), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawāwī*, j. 7, Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Miṣriyyah, h. 20.

Penerapan Nilai Keadilan Dalam Bidang Utama Kehidupan Masyarakat Bertamadun dengan tuntutan Allah SWT agar orang-orang mukmin bekerjasama untuk menegakkan takwa dan kebaikan, bukan dalam perkara dosa dan perseteruan.¹⁰

Pemerintah yang adil adalah pemerintah yang memerintah berasaskan undang-undang dan peraturan yang ditentukan oleh Allah SWT melalui wahyunya. Menegakkan keadilan adalah menjadi tuntutan dan kewajiban bagi setiap individu, masyarakat dan negara Islam. Al-Imam Fakhr al-Din al-Razi menegaskan umat Islam telah bersependapat bahawa menjadi kewajiban kepada pemerintah menjalankan pemerintahan dengan adil.¹¹ Pandangan beliau berasaskan kepada tuntutan Allah SWT sebagaimana yang terkandung dalam firman seperti berikut:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۗ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi kepada kaum kerabat dan Allah melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan keji, kemungkaran serta kezaliman. Dia mengajar kamu agar kamu mengambil peringatan (pelajaran).” (Surah al-Nahl [16]: 90)

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۗ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.” (Surah al-Nisa’ [4]: 58)

Kenyataan-kenyataan al-Qur’an ini mempertegaskan kewajiban menunaikan amanah sebagai sebahagian daripada tuntutan menegakkan keadilan. Ini bermakna kewajiban menunaikan amanah boleh menegakkan keadilan di kalangan manusia. Di samping ayat yang menuntut agar pemerintah dan umat Islam berlaku adil, terdapat

¹⁰ Ibn Hazm al-Zahiri (t.t.), *al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa’ wa al-Nihal*, j. 4, Beirut: Dar al-Jayl, hh. 171-172.

¹¹ Fakhr al-Din al-Razi (1979), *al-Tafsir al-Kabir*, j. 10, Beirut: Dar al-Ihya’, h. 41.

banyak ayat yang mencerca perlakuan dan tindakan zalim, antaranya firman Allah SWT berikut:

﴿ أَحْشُرُوا الَّذِينَ ظَلَمُوا وَأَزْوَاجَهُمْ وَمَا كَانُوا يَعْبُدُونَ ﴾ ﴿١٢﴾ مِنْ دُونِ اللَّهِ
﴿ فَأَهْدُوهُمْ إِلَى صِرَاطِ الْجَحِيمِ ﴾ ﴿١٣﴾ وَقَفُوهُمْ إِنِّي مَسْئُولُونَ ﴿١٤﴾

Maksudnya:

(Allah berfirman kepada malaikat): "Kumpulkanlah orang-orang yang zalim itu beserta teman sejawat mereka dan sembahhan-sembahhan yang selalu mereka sembah - yang lain dari Allah, serta hadapkanlah mereka ke jalan yang membawa ke neraka." (Surah al-Saffat [37]: 22)

﴿ وَلَا تَحْسَبَنَّ اللَّهُ غَفْلًا عَمَّا يَعْمَلُ الظَّالِمُونَ ﴾ ﴿١٥﴾ إِنَّمَا يُؤَخِّرُهُمْ لِيَوْمٍ
تَشْخَصُ فِيهِ الْأَبْصَارُ ﴿١٦﴾

Maksudnya:

"Dan janganlah sekali-kali engkau (wahai Muhammad) menyangka bahawa Allah lalai dari apa yang dilakukan oleh orang-orang zalim. Sesungguhnya Allah hanya melambatkan balasan mereka hingga ke suatu hari yang padanya terbalik kaku permandangan mereka (terbelalak) (kerana gerun melihat keadaan yang berlaku)". (Surah Ibrahim [14]: 42)

﴿ وَلَوْ يُؤَاخِذُ اللَّهُ النَّاسَ بِظُلْمِهِمْ مَا تَرَكَ عَلَيْهَا مِنْ دَابَّةٍ وَلَكِنْ يُؤَخِّرُهُمْ إِلَى
أَجَلٍ مُّسَمًّى ﴿١٧﴾ فَإِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ لَا يَسْتَفْخِرُونَ ﴿١٨﴾ سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِرُونَ ﴿١٩﴾

Maksudnya:

"Jikalau Allah menghukum manusia kerana kezalimannya, nescaya tidak akan ditinggalkanNya di muka bumi sesuatu pun dari makhluk yang melata, tetapi Allah menangguhkan mereka sampai kepada waktu yang ditentukan. Maka apabila telah tiba waktu tiadalah mereka dapat meminta dikemudiankan sesaatpun, dan tidak pula mereka akan dapat meminta didahulukan". (Surah al-Nahl [16]: 61)

Rasulullah s.a.w. dalam sebuah hadith qudsi menyatakan bahawa Allah SWT menyatakan bahawa Dia mengharamkan ke atas diriNya berlaku zalim dan juga

Penerapan Nilai Keadilan Dalam Bidang Utama Kehidupan Masyarakat Bertamadun menjadikan kezaliman sebagai perbuatan yang haram dilakukan hambaNya sesama mereka.¹²

Kenyataan al-Qur'an dan hadith tersebut menjelaskan bahawa perlakuan zalim adalah diharamkan dan dikutuk oleh Islam. Berasaskan kenyataan ini, usaha menegakkan keadilan yang merupakan amalan kontra kepada perbuatan haram adalah satu kewajipan. Dalam konteks ini, menegakkan keadilan adalah menjadi satu kefarduan. Berasaskan kefahaman inilah Khalifah 'Umar Ibn al-Khattab dalam suatu ucapan yang ditujukan kepada pegawai kerajaan pada zamannya pernah memberi amaran supaya mengelakkan diri dari melakukan kezaliman. Jika kezaliman berlaku, beliau tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas melucutkan jawatan mereka atau bertindak hingga ke peringkat menjatuhkan hukuman mati kepada pegawai-pegawainya yang zalim. Dalam ucapannya itu, beliau mengingatkan rakyat supaya bekerjasama dengannya untuk tujuan tersebut. Apabila diajukan persoalan kepadanya, adakah rasional untuk beliau menjatuhkan hukuman mati terhadap pegawai yang melakukan kezaliman, beliau menegaskan: "Jika mereka masih kekal dengan perlakuan zalim mereka dan jika pendekatan mengenakan hukuman mati itu satu-satunya cara bagi mengelakkan dan menghalang kezaliman dari terbudaya di kalangan para pegawainya, maka ia adalah wajar."¹³

Keterangan di atas menunjukkan betapa pentingnya keadilan ditegakkan dalam masyarakat dan betapa besarnya tanggungjawab kepimpinan negara Islam dalam membanteras perlakuan zalim dalam negara Islam, khususnya yang berlaku di kalangan para pegawai kerajaan. Para ulama Islam meletakkan keadilan sebagai prasyarat paling utama untuk melayakkan pencalonan dan pemilihan jawatan khalifah. Ahmad Syalabi¹⁴ ketika menghuraikan syarat keadilan yang dikemukakan ulama dalam pemilihan kepimpinan, menyatakan bahawa pentingnya syarat keadilan diletakkan sebagai pra-syarat pencalonan khalifah, boleh dilihat daripada syarat tersebut dijadikan syarat utama, di samping syarat pengetahuan dan keberanian. Namun begitu, seorang khalifah yang lemah dari sudut keperibadian, mungkin boleh dipenuhi atau ditampung apabila wujudnya pemimpin tentera yang berani. Begitu juga sekiranya ia mempunyai tahap ilmu pengetahuan yang rendah, di mana ia boleh dibantu oleh barisan ulama yang akan membantunya dalam menyelesaikan perkara-perkara yang memerlukan huraian akademik. Tetapi jika ia seorang yang bersikap tidak adil dan zalim, ia

¹² Al-Mundhirī, al-Hāfiẓ Zakī al-Din 'Abd al-'Azīm (1972), *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ Muslim*, Damsyiq: Naṣr al-Kutub, hadith no. 1428.

¹³ Sa'īd Hawwa (1970), *al-Islām*, Beirut, h. 159; Muḥammad 'Abd al-Qādir Abū Fāris, Dr. (1989), *al-Niẓām al-Siyāsī fi al-Islām*, Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, h. 54.

¹⁴ Aḥmad Syalabī, Dr. (1974), *Tārīkh al-Tasyrī' al-Islāmī wa Tārīkh al-Qaḍā'iyah fi al-Islām*, Kaherah: Maṭba'ah al-Sunnah al-Muḥammadiyyah, h. 220.

mungkin akan hilang peluang untuk memperbaikinya sama sekali. Ini kerana sikap zalim dan kecenderungan untuk bersikap tidak adil memungkinkannya mengeksploitasi pihak-pihak lain, sama ada yang terdiri daripada kalangan individu, masyarakat dan institusi negara bagi memenuhi dan menjayakan misi kezalimannya.

Abu 'A'la al-Mawduḍi dalam huraian dan penjelasannya tentang ayat yang menyentuh isu keadilan dan tanggungjawab pemerintah dan para pegawai kerajaan, menyatakan Allah SWT dan Rasulullah s.a.w. memerintahkan pihak-pihak tersebut berlaku adil terhadap semua orang tanpa dipengaruhi oleh rasa permusuhan peribadi terhadap seseorang atau sesuatu kumpulan. Oleh itu, tidak wajar mereka bersifat taksub terhadap seseorang atau kumpulan atau bersifat prejudis yang tinggi terhadap seseorang atau kumpulan hingga sikap negatif tersebut mendorong mereka untuk tidak berlaku adil dalam memutuskan sesuatu perkara. Ikatan dan hubungan pemerintah dengan individu atau sesuatu kumpulan dalam sesebuah negara sepatutnya tidak mempengaruhi seseorang untuk bertindak berasaskan keadilan, hak dan kebenaran. Pemerintah hendaklah membantu seseorang untuk memperolehi haknya jika dari sudut kebenaran dan keadilan individu tersebut sememangnya berhak ke atas sesuatu, walau ia musuh peribadinya, sebagaimana juga pemerintah semestinya menghalang seseorang dari memperolehi sesuatu yang bukan haknya, jika dari sudut kebenaran dan keadilan ia tidak berkelayakan walau pun ia kawan setianya, kerana menurut perspektif Islam, tidak ada keistimewaan antara individu dengan individu yang lain.¹⁵

Allah SWT berfirman:

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ
شِقَاقُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا ؕ أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ
اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah kerana adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.” (Surah al-Ma’idah [5]: 8)

¹⁵ Abū al-‘A‘la al-Mawḍūḍī (1976), *al-Hukūmah al-Islāmiyyah*, Kaherah: al-Mukhtār al-Islāmī, h. 202.

Penerapan Nilai Keadilan Dalam Bidang Utama Kehidupan Masyarakat Bertamadun

Berasaskan tuntutan ini para pemerintah mestilah memastikan bahawa mereka yang berhak dari kalangan rakyatnya memperoleh hak mereka. Oleh itu, ia mestilah memastikan seluruh rakyatnya mendapat pendidikan, pekerjaan, kediaman dan lain-lain keperluan asas yang lain secara adil dan saksama. Adalah suatu kezaliman jika kepimpinan sesebuah negara sekadar menaburkan janji-janji yang indah untuk menyediakan hak-hak asasi rakyat sekadar untuk memperoleh sokongan dan kesetiaan rakyat, tetapi setelah kekuasaan diperolehinya, ia kemudiannya digunakan untuk memperkosakan hak-hak rakyat dari segi ekonomi dan sosial. Firman Allah:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يُعْجِبُكَ قَوْلُهُ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَيُشْهَدُ اللَّهُ عَلَىٰ مَا فِي قَلْبِهِ
وَهُوَ أَلْدُّ الْأَخْصَامِ ۖ وَإِذَا تَوَلَّىٰ سَعَىٰ فِي الْأَرْضِ لِيُفْسِدَ فِيهَا وَيُهْلِكَ
الْحَرْثَ وَالنَّسْلَ ۗ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الْفُسَادَ ۝

Maksudnya:

“Dan terdapat antara manusia mereka yang ucapannya mengenai kehidupan dunia menyebabkan hati manusia tertarik mendengarnya dan ia (bersumpah dengan mengatakan bahawa) Allah menjadi saksi atas apa yang ada dalam hatinya, padahal ia adalah orang-orang yang sangat keras permusuhannya. Apabila ia diberikan kedudukan berusahalah ia dibumi untuk melakukan bencana padanya dan membinasakan tanaman-tanaman dan keturunan sedang Allah tidak suka kepada bencana kerosakan.” (al-Baqarah (2): 204-205)

Khalifah ‘Umar ‘Abd al-‘Aziz yang dianggap sebagai tokoh *mujaddid* bagi kurun pertama Hijrah cuba mengembalikan pemerintahan Islam seperti di zaman kegemilangan Khulafa’ al-Rasyidin. Beliau telah bertindak tegas berasaskan prinsip ‘amar makruf’ dan ‘nahi mungkar’ dalam negara, khususnya dalam menegakkan semula prinsip keadilan dalam pemerintahan Islam. Tindakan ini dimulakan dengan dirinya sendiri dengan mengembalikan kepada perbendaharaan negara apa-apa pemberian yang diterima daripada khalifah Bani Umayyah sebelumnya yang dirasakan tidak wajar diambilnya. Seterusnya beliau mengarahkan keluarga Bani Umayyah yang lain dan para pegawai kerajaan yang pernah menerima pemberian-pemberian yang tidak patut diterima agar mengembalikan semula pemberian-pemberian tersebut kepada perbendaharaan negara. Ini kerana pendapatan itu dikira sebagai pendapatan yang diperolehi dengan cara yang zalim.¹⁶

¹⁶ Ibn Kathīr (1966), *al-Bidāyah wa al-Hidāyah fi al-Tārīkh*, j. 9, Kaherah: Matba‘ah al-Sa‘ādah, hh. 200-207.

Khalifah 'Umar 'Abd al-'Aziz juga menjalankan dasar pembangunan dan pengurusan ekonomi dengan adil, di samping berusaha mengembalikan keamanan negara berdasarkan pendekatan kuatkuasa undang-undang dan pengurusan negara berasaskan keadilan, bukan penindasan. Dilaporkan apabila beliau mentauliahkan Yahya al-Ghassani menjadi gabenor di Mosul dan al-Jarrāh Ibn 'Abd Allāh sebagai gabenor di Khurasan, kedua-dua pegawai tersebut sesampai mereka di wilayah baru tadbiran masing-masing, mereka mendapati banyaknya berlaku kegiatan jenayah seperti rompakan, kecurian, penyalahgunaan kuasa, rasuah, pembunuhan dan kekacauan di kedua-dua wilayah tersebut. Yahya al-Ghassani dan al-Jarrāh Ibn 'Abd Allāh kemudiannya telah membuat laporan lengkap mengenai suasana tersebut untuk pengetahuan Khalifah. Di akhir laporan itu, kedua-duanya mencadangkan agar dibenarkan mereka bertindak mengembalikan kesejahteraan dan keamanan negara berasaskan 'kuat sangkaan', bukannya berasaskan prinsip pengadilan biasa.

Setelah menerima laporan itu, Khalifah 'Umar 'Abd al-'Aziz membantah cadangan tersebut dan sebaliknya mengarahkan mereka bertindak berasaskan proses pengadilan yang adil dan saksama, iaitu berasas keterangan yang nyata dan kesaksian yang mempunyai kredibiliti. Ini kerana anggapan bahawa kesejahteraan rakyat dan keamanan dapat dikembalikan dengan pendekatan kekerasan, penggunaan kuasa polis, belantan dan senjata adalah suatu anggapan yang salah. Oleh itu, beliau mencadangkan agar kedua-dua gabenor tersebut mengambil sikap berlapang dada menjalankan pemerintahan dan pentadbiran negara secara adil.¹⁷ Hasilnya, menerusi pendekatan tersebut, keamanan dan kesejahteraan rakyat di kedua-dua wilayah tersebut dapat dikembalikan di sepanjang pemerintahan Khalifah 'Umar 'Abd al-'Aziz, walaupun khalifah berjiwa rakyat tersebut hanya sempat memerintah selama tiga tahun sahaja. Perkembangan baru ini membuktikan keamanan dan kesejahteraan akan dapat dikembalikan dalam tempoh yang singkat melalui pemerintahan dan pentadbiran negara yang berteraskan prinsip keadilan.

Adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan kepimpinan negara menjalankan pemerintahan berasaskan syariah agar keadilan dengan pengertiannya yang luas meliputi tindakan politik, pentadbiran, pengadilan, kemasyarakatan dan hubungan antara bangsa dapat ditegakkan dalam sesebuah negara. Pelaksanaan kegiatan-kegiatan ekonomi dalam sesebuah negara mestilah berobjektifkan untuk membangun bumi dan menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang mulia kepada seluruh rakyatnya. Pihak kepimpinan perlu menyediakan peluang-peluang ekonomi secara seimbang kepada rakyatnya dan mengagihkan perbendaharaan negara secara adil kepada mereka. Allah SWT mengingatkan pemerintah agar kekayaan negara mestilah tidak hanya beredar di kalangan segolongan kecil rakyat sahaja.

¹⁷ *Ibid.*, h. 207.

Penerapan Nilai Keadilan Dalam Bidang Utama Kehidupan Masyarakat Bertamadun
Firman Allah SWT:

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ
وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ
وَمَا آتَاكُمْ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا^ط وَاتَّقُوا اللَّهَ^ط إِنَّ اللَّهَ
شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٥٩﴾

Maksudnya:

“Apa saja harta rampasan (fa’i) yang diberikan Allah kepada rasulNya yang berasal dari penduduk kota-kota, maka adalah untuk Allah, rasul, kaum kerabat Rasul, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang dalam perjalanan, supaya harta itu jangan hanya beredar di antara orang-orang kaya saja di kalangan kamu. Apa yang diberikan rasul kepadamu maka terimalah dia. Dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkanlah, dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat keras hukumanNya.” (Surah al-Hasyr [59]: 7)

Rasulullah s.a.w. yang memerintah Madinah al-Munawwarah menegaskan bahawa baginda lebih berhak dan utama dalam menentukan kemaslahatan terbaik untuk setiap muslim, baik lelaki mahupun perempuan. Sekiranya ada di kalangan mereka yang meninggalkan harta, maka pewarisnya yang layak menerima harta pusaka tersebut, tetapi sebaliknya bagi kalangan yang meninggalkan zuriat yang lemah, maka baginda s.a.w. adalah bertanggungjawab ke atas mereka. Ini selaras dengan firman Allah SWT:

النَّبِيُّ أَوْلَىٰ بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنفُسِهِمْ^ط

Maksudnya:

“Nabi itu lebih utama (menolong dan menjaga kebaikan) bagi orang-orang mukmin dari diri mereka sendiri” (Surah al-Ahzab [33]: 6)

Berasaskan tanggungjawab ini, Khalid ibn al-Walid ketika mengikat perjanjian damai dengan penduduk Hirah telah mengisytiharkan bahawa orang tua atau fakir miskin atau mereka yang ditimpa musibah berhak memperoleh peruntukan bantuan daripada perbendaharaan negara.¹⁸ Demikian menjadi tanggungjawab negara memastikan kegiatan dan aktiviti pelaburan dalam negara berjalan mengikut prinsip

¹⁸ Fathī ‘Uthmān, Dr. (1984), *Min Uṣūl al-Fikr al-Siyāsī al-Islāmī*, Beirut: Mu’assasah al-Risālah, hh. 64-65.

keadilan. Oleh itu, kegiatan pelaburan yang berunsur penindasan seperti yang berasaskan riba diharamkan. Allah SWT berfirman:

فَإِنْ لَمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ ۗ وَإِنْ تُبْتُمْ فَلَكُمْ زُؤُسٌ
أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٩﴾

Maksudnya:

“Maka jika kamu tidak mengerjakan (meninggalkan sisa riba) maka ketahuilah, bahwa Allah dan RasulNya akan memerangimu. Dan jika kamu bertaubat (dari pengambilan riba), maka bagimu pokok hartamu, kamu tidak menganiaya dan tidak (pula) dianiaya.” (Surah al-Baqarah [2]: 279)

Demikian Islam memperkenalkan konsep syura dalam pentadbiran dan pengurusan negara. Pelaksanaan konsep ini dalam pentadbiran negara membolehkan pandangan yang menyentuh pelbagai isu dikemukakan oleh kalangan ilmuwan yang berkeahlian. Pandangan tersebut kemudiannya dibincang dan diperincikan oleh para pemikir bagi maksud mencari pemikiran-pemikiran yang betul atau yang paling baik bagi menentukan agar natijah yang terbaik pula dapat diperolehi.¹⁹

Konsep syura menentukan bahawa setiap keputusan hendaklah berpaksikan kemaslahatan umum yang mengatasi kemaslahatan bersifat individu. Ia juga menjadi asas hubungan antara pemerintah dan rakyat kerana ia membolehkan rakyat atau wakilnya mengemukakan permasalahan rakyat bawahan dan mengawasi perjalanan pemerintahan berasaskan prinsip keadilan dan kebenaran. Rasulullah s.a.w. diriwayatkan sebagai orang yang paling banyak bermesyuarat dengan para sahabatnya dalam menjalankan pemerintahan negara, misalnya seperti dalam peperangan Badar dan Uhud.²⁰ Kepentingan *syura* jelas ternyata menurut pandangan Islam sehingga sesetengah ulama berpendapat bahawa kesilapan yang dilakukan selepas mesyuarat adalah lebih baik daripada kebenaran yang diasaskan kepada pendapat individu secara perseorangan.²¹ Khalifah Abu Bakar al-Siddiq dalam ucapan dasarnya setelah dilantik sebagai khalifah Islam yang pertama mengalu-alukan teguran rakyat terhadap perjalanan pemerintahannya.²²

¹⁹ Abū Fāris (1989), *op.cit.*, h. 76.

²⁰ Al-‘Asqalānī, al-Imām Aḥmad ibn ‘Alī ibn ‘Alī ibn Ḥajar (1959), *Faḥḥ al-Bārī bi Syarḥ Sahīḥ al-Bukhārī*, j. 8, Kaherah, h. 438.

²¹ Ibn al-Taktakā’ī, Muḥammad ibn ‘Alī ibn al-Ṭabatabā’ī, al-Fakhri (1966), *Fi Adab al-Sultāniyyah wa al-Duwal al-Islāmiyyah*, Beirut: Dār Ṣādir, h. 26.

²² Ibrāhīm al-‘Adawī, Dr. (1976), *al-Tārīkh al-Islāmī: Āfāqūh al-Siyāsah wa Ab‘āduhu al-Ḥadariyyah*, Kaherah: Maktabah al-Anglo al-Miṣriyyah, h. 95.

2. Perundangan dan Pengadilan

Islam memperkenalkan undang-undang berasaskan prinsip syariah sebagai asas yang menentukan hubungan sesama manusia dapat diuruskan dengan cara yang adil. Asas undang-undang Islam adalah wahyu yang merangkumi kalam Allah dan sunnah RasulNya. Walaupun terdapat kaedah perumusan undang-undang berdasarkan *ijmā'* (pendapat secara kolektif ulama Islam) dan kias, namun keabsahan rumusan undang-undang berdasarkan kaedah tersebut tertakluk kepada perakuan wahyu dan terikat dengan semangat dan falsafah wahyu itu sendiri. Berasaskan prinsip ini, Islam tidak membenarkan manusia secara sewenang-wenangnya untuk campur tangan dalam perkara yang telah ada ketetapan menurut wahyu dan prinsip ini sekiranya dipatuhi ia dapat menjamin keadilan sebenar. Di samping itu, Islam menegaskan konsep pemisahan kuasa bagi menjamin keadilan sejagat. Kuasa perundangan (*legislative*) hanya terletak di tangan Allah berasaskan syariah. Manakala kuasa pengadilan (*judicative*) adalah terletak pada institusi pengadilan yang diuruskan berasaskan undang-undang syariah. Manakala khalifah dan para pegawainya hanya memegang kuasa pentadbiran (*executive*) yang juga terikat dengan syariah.²³ Sistem perundangan Islam telah menentukan kepentingan menjaga hak-hak asasi manusia yang diistilahkan oleh ulama Islam sebagai *al-darūriyyāt al-khamsah*. Ia merangkumi penjagaan diri, akal, harta, kehormatan dan keturunan.²⁴

Manakala dalam proses pengadilan yang dipertanggungjawabkan kepada institusi kehakiman, Islam memperkenalkan kaedah dan peraturan khusus yang benar-benar dapat menjamin keadilan melalui peranan yang dimainkan oleh beberapa rangkaian institusinya seperti Badan Kehakiman (*Wilāyah al-Mazālim*), polis (*syurṭah*) dan institusi penguatkuasaan (*hisbah*).

Islam menentukan rangkaian institusi-institusi pengadilan ini menjalankan tanggungjawab masing-masing secara beretika dan berpaksikan keadilan. Kenyataan Rasulullah s.a.w. tentang hakim-hakim yang berada dalam syurga dan neraka berdasarkan kadar nisbah dua di neraka dan satu di syurga, iaitu yang merujuk kepada hakim yang adil adalah bermaksud untuk memberi ingatan tentang kewajipan hakim menjalankan proses pengadilan secara beretika dan berakhlak.

Bagi memastikan institusi pengadilan berperanan secara beretika, syariah Islam menetapkan bahawa setiap pertuduhan hendaklah dibuktikan oleh kesaksian dan keterangan yang jelas. Tertuduh mestilah mendapat hak mempertahankan diri dari

²³ 'Alī Muḥammad Ḥusnayn, *op.cit.*, h. 145.

²⁴ Muḥammad Fathī 'Uthmān, Dr. (1984), *Uṣūl al-Fikr al-Siyāsī al-Islāmī*, Damsyik: Mu'assasah al-Risālah, h. 173.

segala pertuduhan. Semua pihak yang terlibat dalam proses pengadilan adalah sama dari sudut undang-undang dan tidak ada pihak yang mempunyai keistimewaan dalam proses perbicaraan mahkamah. Para hakim hendaklah menghalusi segala fakta keterangan sebelum memutuskan hukuman bagi mengelak dari mengenakan hukuman kepada mereka yang tidak bersalah. Suatu kaedah yang diterima di kalangan ulama Islam ialah, 'adalah lebih baik tidak menghukum pesalah dari menghukum pihak yang tidak bersalah'. Institusi pengadilan juga dikehendaki bebas dari campur tangan mana-mana pihak agar ia tidak menjadi instrumen bagi mana-mana pihak untuk cuba mengesah atau menjustifikasikan kezaliman yang dilakukannya. Adalah lebih zalim andaikata seseorang atau mana-mana pihak yang melakukan kezaliman dapat mempergunakan mahkamah yang bertanggungjawab menjamin keadilan, digunakan bagi menjustifikasikan kezaliman yang dilakukannya. Andaikata hal seperti ini terjadi, maka rosaklah fungsi institusi pengadilan dalam menjamin keadilan kepada masyarakat. Dalam hubungan ini Allah SWT berfirman:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالِكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا
فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya:

"Dan janganlah kamu makan atau mengambil harta orang-orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu, kepada hakim-hakim kerana hendak memakan sebahagian dari harta manusia dengan berbuat dosa, padahal kamu mengetahui salahnya."
(Surah al-Baqarah (2): 188)

Seperti salahnya menggunakan proses pengadilan untuk mencerooboh harta manusia secara tidak sah, tidak berakhlak dan zalim, begitu juga salahnya menggunakan pengadilan untuk mencerooboh kehormatan, akal, diri dan keturunan manusia lain secara tidak sah. Bagi memastikan keadilan dapat dinikmati oleh ahli masyarakat, khususnya pihak tertuduh, Islam memperkenalkan mahkamah rayuan yang dikenali dalam sejarah tamadun Islam sebagai *al-daf*.²⁵ Demikian bagi memastikan keadilan dapat ditegakkan dalam proses pengadilan, Islam menetapkan syarat-syarat dan kriteria saksi serta kualiti kesaksian yang khusus agar proses pengadilan dapat dijalankan dengan cara yang berkesan. Kredibiliti saksi adalah penting bagi menentukan proses pengadilan berjalan secara yang benar-benar adil.

²⁵ Ahmad al-Syalabi, Prof. Dr. (1976), *Mawsū'ah al-Nuzum wa al-Ḥadārah al-Islāmiyyah*, Kaherah: Maṭba'ah al-Sunnah al-Muḥammadiyyah, h. 256; Ibn Arfus, *Tārīkh al-Qaḍā' fi al-Islām*, h. 214.

Penerapan Nilai Keadilan Dalam Bidang Utama Kehidupan Masyarakat Bertamadun

Manakala *Wilāyah al-Mazālim* pula bertanggungjawab mengendalikan kes-kes bagi menentukan pelaku kezaliman menjalani proses pengadilan dan menghukum tertuduh yang terbukti bersalah sama ada terdiri daripada individu atau institusi yang berkedudukan tinggi dalam masyarakat. Kewujudan institusi ini dan peranan yang dimainkannya memperlihatkan hakim atau pendakwa lemah dalam membawa tertuduh untuk diadili. Oleh itu, institusi ini dipimpin oleh individu terhormat dan berkedudukan tinggi pula dalam masyarakat.²⁶

Berasaskan fakta ini, sumbangan dan peranan *Wali al-Mazālim* adalah mencakupi ruang lingkup yang amat luas kerana institusi ini bersifat perantara antara pemerintah dan hakim. Bidang kuasanya adalah luas dan bertanggungjawab mengendalikan kes-kes yang melibatkan tindakan berbentuk penindasan dan kezaliman yang dilakukan oleh pegawai-pegawai kerajaan khususnya yang berprofil tinggi, kes-kes pecah amanah dan penyelewengan di kalangan pegawai dan jabatan-jabatan, syarikat-syarikat swasta yang wujud dalam sesebuah masyarakat, anggota tentera, pegawai keselamatan dan lain-lain pihak.²⁷

Sejarah merakamkan bahawa Khalifah 'Umar Ibn al-Khattab atas sifatnya sebagai *Wali al-Mazālim* bertindak terhadap Abu Musa al-Asy'ari dalam satu kes di mana Abu Musa pernah mencukur kepala seorang awam tanpa kesalahan yang jelas.²⁸ Sejarah pemerintahan Khalifah 'Umar Ibn 'Abd al-Aziz pula memperlihatkan contoh-contoh yang banyak tentang tindakan *Wali al-Mazālim* terhadap kes-kes pecah amanah, penyelewengan dan salah laku yang dilakukan pegawai-pegawai pemerintahan khalifah Bani Umayyah sebelumnya. Khalifah tersebut mengarahkan tindakan terhadap pesalah-pesalah yang melakukan penyelewengan dan pecah amanah dengan mengembalikan semula harta-harta yang diberi atau diambil secara tidak sah dari kewangan negara.²⁹

Dengan adanya mahkamah rayuan *al-Daf'* dan *Wilāyah al-Mazālim* bagi mengadili pegawai berprofil tinggi dan memegang jawatan di institusi-institusi dan jabatan-jabatan kerajaan atas kesalahan dan penyelewengan mereka dan proses pengadilan mereka dikendalikan secara adil dan beretika, membuktikan sistem kehakiman Islam memperakui keperluan mempunyai mahkamah rayuan di satu pihak dan badan khas di peringkat tinggi yang berkecuali bagi menangani penyelewengan di

²⁶ Al-Mawardī, *al-Aḥkām al-Sultāniyyah*, h. 64; Ahmad al-Syalabī, Prof. Dr. (1976), *Mawsū'ah al-Nuzum wa al-Ḥaḍārah al-Islamiyyah*, j. 7, Kaherah: Maṭba'ah al-Sunnah al-Muḥammadiyah, h. 237.

²⁷ Ibn Khaldūn, *al-Muqaddimah*, h. 155.

²⁸ Syalabī, *op.cit.*, h. 237.

²⁹ Ahmad Syalabī, Prof. Dr. (1975), *Mawsū'ah al-Tārīkh al-Islāmī wa al-Ḥaḍārah al-Islāmiyyah*, j. 2, Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah, h. 80.

peringkat institusi dan individu berjawatan besar dalam pentadbiran negara. Melalui institusi ini keadilan dalam masyarakat akan terjamin.

Kedudukan *syurtaḥ* atau polis pula adalah berperanan untuk menjaga keamanan dalam negara, agar aktiviti ekonomi berjalan dengan baik dan memacu kemajuan negara. Manakala institusi *hisbah* adalah suatu institusi yang diperkenalkan oleh Islam untuk berperanan dalam menjalankan aktiviti berkaitan dengan penguatkuasaan berkaitan dengan urusan agama, aktiviti ekonomi, pembangunan, perhubungan awam dan lain-lain lagi.

3. Perjanjian dan Aktiviti Penulisan

Dari aspek urusan yang berkaitan dengan ikatan perjanjian, sama ada yang melibatkan individu, syarikat, institusi dan pertubuhan pula, ia adalah juga perlu dilaksanakan secara adil. Oleh itu, Islam mensyaratkan bahawa sesuatu perjanjian hendaklah dibuat secara bertulis dengan disaksikan oleh saksi-saksi yang adil dan berkredibiliti. Allah SWT berfirman:

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدِينٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَآكْتُبُوهُ
 وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْب كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ
 اللَّهُ فَلْيَكْتُبْ وَلْيَمْلِكِ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا يَبْخَسَ مِنْهُ
 شَيْئًا فَإِنْ كَانَ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ سَفِيهًا أَوْ ضَعِيفًا أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يُمِلَّ
 هُوَ فليَمْلِكْ وَلِيُهُ بِالْعَدْلِ ؕ وَأَسْتَشْهِدُوا شَهِدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ فَإِنْ لَمْ
 يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَآمْرَاتَانِ مِمَّنْ تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ تَضِلَّ
 إِحْدَاهُمَا فَتُذَكِّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَىٰ ؕ وَلَا يَأْبَ الشُّهَدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا وَلَا
 تَسْمَعُوا أَنْ تَكْتُبُوهُ صَغِيرًا أَوْ كَبِيرًا إِلَىٰ أَجَلِهِ ؕ ذَٰلِكُمْ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ
 وَأَقْوَمٌ لِلشَّهَادَةِ وَأَدْنَىٰ أَلَّا تَرْتَابُوا ؕ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجْرَةً حَاضِرَةً تُدِيرُونَهَا
 بَيْنَكُمْ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَلَّا تَكْتُبُوهَا ؕ وَأَشْهِدُوا إِذَا تَبَايَعْتُمْ ؕ وَلَا يُضَارَّ
 كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ ؕ وَإِنْ تَفَعَّلُوا فَإِنَّهُ فَسُوقٌ بِكُمْ ؕ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَيُعَلِّمُكُمُ
 اللَّهُ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٥٧﴾

Maksudnya:

“Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu bermuamalah tidak secara tunai untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan benar. Dan janganlah penulis enggan menuliskannya sebagaimana Allah telah mengajarkannya, maka hendaklah ia menulis, dan hendaklah orang yang berhutang itu mengimlakkan (apa yang akan ditulis itu), dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangi sedikitpun dari hutangnya. Jika yang berhutang itu orang yang lemah akalunya atau lemah (keadaannya) atau dia sendiri tidak mampu mengimlakkan, maka hendaklah walinya mengimlakkan dengan jujur. Dan persaksikanlah dengan dua orang saksi dari orang-orang lelaki (di antaramu). Jika tidak ada dua orang lelaki, maka (boleh) seorang lelaki dan dua orang perempuan dari saksi-saksi yang kamu redhai, supaya jika seorang lupa, maka seorang lagi mengingatkannya. Janganlah saksi-saksi itu enggan (memberi keterangan) apabila mereka dipanggil dan janganlah kamu jemu menulis hutang itu, baik kecil mahupun besar sampai batas waktu membayarnya. Yang demikian itu, lebih adil di sisi Allah dan lebih dapat menguatkan persaksian dan lebih dekat kepada tidak (menimbulkan) keraguanmu. (Tulislah muamalahmu itu), kecuali jika muamalah itu perdagangan tunai yang kamu jalankan di antara kamu, maka tidak ada dosa bagi kamu (jika) kamu tidak menulisnya. Dan persaksikanlah apabila kamu berjual beli dan janganlah penulis dan saksi saling susah-menyusahkan. Jika kamu lakukan (yang demikian), maka sesungguhnya hal itu adalah suatu kefasikan pada dirimu. Dan bertaqwalah kepada Allah, Allah mengajarmu dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.” (Surah al-Baqarah [2]: 282)

Dari aspek aktiviti penulisan pula, sama ada yang melibatkan media cetak atau elektronik, ia hendaklah dijalankan dalam suasana yang adil dan beretika, bukan semata-mata untuk menyebarkan propaganda berunsur dan berbudayakan fitnah. Aktiviti penulisan adalah sebahagian dari aspek kesaksian, oleh itu ia terikat dengan keadilan. Sejarah tamadun Islam memperlihatkan bahawa berikutan tuntutan kepada keperluan hadis-hadis Rasulullah s.a.w., usaha pengumpulan hadis dilakukan oleh para ulama Islam. Dalam usaha ini, para ulama memberi perhatian tentang ‘keadilan’ dalam pengumpulan hadis, kerana itu lahirlah metodologi yang khusus berkaitan penerimaan sesuatu hadis untuk dijadikan rujukan hukum dan pemikiran Islam. Apabila aktiviti penulisan tentang sejarah Islam dilakukan, metodenya juga dipengaruhi oleh metodologi ulama Islam dalam penerimaan dan pelaporan hadis. Ini membuktikan bahawa Islam memastikan keadilan diterapkan dalam aktiviti penulisan. Manakala umat Islam sendiri dituntut berwaspada dari kemungkinan terpedaya dengan laporan media yang tidak adil dan beretika yang lazimnya dibuat oleh orang-orang fasik.

Firman Allah SWT:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكَمُ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ
فَتُصِيبُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ تَنَدِمِينَ ﴿٦﴾

Maksudnya:

“Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti, agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu.” (Surah al-Hujurat [49]: 6)

4. Aktiviti Ekonomi dan Sosial

Bumi adalah disediakan Allah untuk diurus dan dibangunkan oleh manusia dengan pelbagai aktiviti pembangunan dan perekonomian. Oleh itu, manusia berhak dan dituntut melakukan penyelidikan dan penerokaan. Namun demikian, aktiviti ekonomi dan pembangunan yang diusahakan manusia terikat dengan nilai keadilan. Sebagai pengiktirafan terhadap usaha manusia, Islam memperakui adanya hak milik individu, tetapi dalam pemilikan individu tersebut, ada tanggungjawab dan kewajipan sosial yang perlu ditunaikan oleh pemilik harta tersebut.

Berasaskan keterangan ini, Islam memperkenalkan sistem zakat, mewujudkan beberapa institusi lain yang memungkinkan para pengusaha atas sifat individu atau atas nama syarikat menunaikan tanggungjawab sosial mereka. Antara institusi yang diwujudkan bagi memenuhi tujuan itu ialah institusi wakaf. Institusi tersebut dalam sejarah awal Islam bukan sahaja berperanan mengumpul dan menguruskan dana dari masyarakat Islam untuk melengkapkan keperluan rumah-rumah ibadat seperti sejadah, dan kitab suci, tetapi juga memainkan peranan dalam memenuhi keperluan masyarakat dalam bentuk dan skop yang lebih luas seperti sekolah, kediaman pelajar, hospital dan lain-lain. Sebagai contoh, apabila Nizam al-Mulk mengasaskan institusi sekolah, beliau telah mewakafkan sebahagian daripada hasil kedai dan ladang milik peribadinya untuk menanggung perbelanjaan Madrasah al-Nizamiyyah dengan disaksikan oleh para menteri dan hakim yang dilantik pada pemerintahannya. Demikian juga di Mesir, di mana al-‘Aziz Billah mendirikan *Jami’ al-Azhar* pada tahun 378H untuk memenuhi keperluan masyarakat bagi menjalankan aktiviti ibadat dan kegiatan pendidikan. Apabila menterinya, Ya‘qub Ibn Kalis membangkitkan isu keperluan para guru, pentadbir serta institusi tersebut kepada dana kewangan, al-‘Aziz telah mewakafkan sebahagian

Penerapan Nilai Keadilan Dalam Bidang Utama Kehidupan Masyarakat Bertamadun pendapatannya untuk memastikan keperluan institusi pendidikan yang diwujudkan pada zaman tersebut dapat dipenuhi.³⁰

Sistem pemerintahan Islam melalui pelaksanaan dasar percukaian dan ekonomi yang lain memastikan wujudnya keseimbangan antara golongan berada dan kurang berada. Islam tidak mengharuskan kekayaan beredar di kalangan kroni atau sekelompok masyarakat tertentu sahaja. Firman Allah SWT:

كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةٌ بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ

Maksudnya:

“(Ketetapan yang demikian) supaya harta itu jangan hanya beredar di antara orang-orang kaya saja di kalangan kamu ...” (Surah al-Hasyr [59]: 7)

Khalifah Abu Bakar al-Siddiq r.a dalam ucapan dasarnya setelah dilantik sebagai Khalifah, menegaskan untuk mengambil sebahagian daripada kekayaan yang dimiliki oleh orang berada untuk diberikan kepada golongan kurang berada.³¹ Ini dapat difahami dari teks ucapan beliau yang mengungkapkan bahawa orang kaya di kalangan kamu adalah lemah pada pandanganku hingga aku ambil darinya (hartanya) dan orang miskin/lemah adalah kuat padanya hingga diberi kepadanya (hak mereka).

Di samping itu, Islam menentukan setiap golongan rakyat berhak mendapatkan keperluan asasinya dengan adil. Oleh itu, beberapa barangan dan perkhidmatan tertentu seperti api (tenaga), air dan lain-lain mestilah diletakkan atau diawasi dengan sempurna oleh institusi awam bagi mengelakkannya dari dieksploitasi untuk kepentingan individu dan kumpulan tertentu sahaja. Dalam keadaan-keadaan tertentu, misalnya andaikata pengurusan sesuatu perkhidmatan akan lebih berkesan atau lebih ekonomik jika ia diswastakan, pendekatan menswastakan pengurusan sumber-sumber tertentu negara boleh dilaksanakan, sebagai contoh pendekatan *al-iqtā'* yang dilakukan di zaman pemerintahan Khalifah 'Uthman Ibn 'Affan. Namun, ia hendaklah dilaksanakan dengan suatu pengawasan yang berkesan oleh institusi awam berkaitan agar kepentingan awam dapat dipelihara dan tidak dirosakkan oleh pihak yang memperolehi kontrak tersebut. Dalam masa yang sama peranan kerajaan dalam mengawasi kebajikan awam tetap terpelihara.

Selain daripada itu, Institusi *hisbah* dikehendaki mengawasi kemungkinan wujudnya aktiviti tidak bermoral dan berakhlak seperti khianat, penipuan dan

³⁰ Ahmad Zaki Ibrahim, Dr. (1998), “Wakaf dan Pendidikan Negara Dalam Sejarah Tamadun Islam,” *Majalah al-Manār*, Disember 1998, h. 69.

³¹ Abū 'Ubayd al-Qāsim ibn Safam (1968), *Kitāb al-Amwāl*, Kaherah: t.tp., h. 11.

penindasan dalam urusan perdagangan dan perusahaan negara. Dalam konteks sosial pula, Islam memprakui persamaan antara manusia, oleh itu hubungan sesama manusia hendaklah dilangsungkan secara aman dan harmoni. Islam menggalakan usaha mendamaikan antara dua pihak yang bertelagah bagi mencapai maksud tersebut.

5. Aktiviti Mendamaikan Dua Kumpulan Yang Bermusuhan

Dalam menjalani kehidupan sosial, mungkin berlaku permusuhan antara seorang individu atau kumpulan dengan individu atau kumpulan yang lain. Namun demikian, atas prinsip bahawa manusia adalah sama, Islam menuntut umatnya saling berdamai dan mengusahakan perdamaian antara manusia. Dalam usaha mencari dan mengusahakan perdamaian antara pihak yang bermusuhan, sama ada yang melibatkan krisis kekeluargaan, politik atau lain-lain, umat Islam perlu melaksanakannya berasaskan nilai kebenaran dan keadilan. Firman Allah SWT:

وَإِن طَآئِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا فَإِن بَغْت إِحْدَهُمَا عَلَى الْأُخْرَى فَقَاتِلُوا الَّتِي تَبْغِي حَتَّى تَفِيءَ إِلَى أَمْرِ اللَّهِ فَإِن فَاءَتْ فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٩﴾

Maksudnya:

"Dan jika ada dua golongan dari orang-orang mukmin berperang, maka damaikanlah antara keduanya. Jika salah satu dari kedua golongan itu berbuat aniaya terhadap golongan yang lain, maka perangilah golongan yang berbuat aniaya itu sehingga golongan itu kembali kepada perintah Allah, jika golongan itu telah kembali (kepada perintah Allah), maka damaikanlah antara keduanya dengan adil dan berlaku adillah, sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil." (Surah al-Hujurat [49]: 9)

Dalam hubungan ini juga Islam telah memperkenalkan konsep *tahkim* iaitu satu prinsip yang menegaskan perlunya perundingan bagi mendamaikan pihak-pihak yang bermusuhan berasaskan fakta-fakta yang benar dan adil. Sebagai contoh, untuk menyelesaikan kes-kes yang melibatkan perselisihan faham antara suami isteri, secara tegas Allah SWT menyeru kepada kedua-dua pihak mencari pendekatan berdamai secara adil dan menyeru keluarga kedua pasangan yang berkonflik agar menggunakan pendekatan *tahkim* untuk mendamaikan kedua-duanya secara adil. Dalam hubungan ini Allah SWT berfirman:

وَأِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهَا إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَفِّقِ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا خَبِيرًا ﴿٣٥﴾

Maksudnya:

“Dan jika kamu khawatirkan ada persengketaan antara keduanya, maka kirimlah seorang “orang tengah” dari keluarga lelaki dan seorang “orang tengah” dari keluarga perempuan. Jika kedua orang “orang tengah” itu (dengan ikhlas) bertujuan mengadakan perdamaian, nescaya Allah memberi taufik kepada suami-isteri itu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Amat mendalam pengetahuanNya.” (Surah al-Nisa’ [4]: 35)

Dalam konteks pertikaian, pergeseran politik dan peperangan berbentuk ketenteraan pun, Allah SWT menyeru umat Islam agar mencenderungi pendekatan berdamai dan berunding. Firman Allah SWT:

﴿ وَإِنْ جَنَحُوا لِلسَّلْمِ فَاجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴾

Maksudnya:

“Dan jika mereka cenderung kepada perdamaian, maka cenderunglah kepadanya dan bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.” (Surah al-Anfal [8]: 61)

Sejarah Islam mencatatkan pergeseran dan pertentangan politik antara Mu‘awiyah dan ‘Ali Ibn Abi Talib pernah cuba diselesaikan melalui pendekatan *tahkīm* sesuai dengan tuntutan Islam.³² Sekiranya konsep dan pendekatan *tahkīm* yang dilakukan secara adil dan benar dan kedua-dua pihak menerimanya dan beriltizam dengannya ia tentunya akan dapat menegak keamanan dan kesejahteraan dalam masyarakat Islam.

Bagi memastikan keadilan dan kesejahteraan hidup manusia berasaskan Islam dapat dinikmati oleh semua, masyarakat memerlukan sebuah negara Islam. Rasulullah s.a.w memulakan tugas dakwah setelah menjadi Rasul. Dakwah Rasulullah s.a.w bukan sekadar menyeru kepada kebaikan, tetapi berobjektifkan untuk membina masyarakat Islam yang baik dan membangunkan negara Islam. Negara Islam yang

³² ‘Abd al-Syāfi Muḥammad ‘Abd al-Latīf, Dr. (1984), *al-‘Ālam al-Islāmī Fi ‘Aṣr al-Umawī*, Kaherah: Dār al-Wafā’, h. 81.

dibangunkan itu berperanan pula menjaga agama dan menguruskan dunia dengan agama. Untuk memenuhi keperluan ini, usaha-usaha dakwah perlu diperluaskan. Hal ini dibuktikan menerusi jawapan yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w. kepada pertanyaan musyrikin Makkah tentang tujuan agama yang dibawanya. Baginda s.a.w. menjelaskan bahawa seruan dakwahnya adalah bertujuan membentuk kerajaan berasaskan Islam di kalangan masyarakat Arab, dan melaluinya ia akan dapat membawa bukan Arab (*'Ajam*) menganut agama Islam.³³ Pernyataan Rasulullah s.a.w. ini telah dibuktikannya menerusi kejayaannya membentuk kerajaan Islam pertama di Madinah dan empayar kerajaan tersebut akhirnya dapat diperluaskan ke bahagian-bahagian lain dunia di Asia, Afrika dan Eropah. Hakikatnya pemerintahan Islam perlu dibangunkan, tanpanya adalah sukar untuk memastikan keadilan berasaskan perspektif Islam dapat dinikmati oleh semua manusia.

KESIMPULAN

Sebagai rumusannya keadilan adalah tuntutan iman dan akhlak. Ia adalah sesuatu yang mesti dinikmati oleh semua manusia termasuk masyarakat non-muslim. Atas segala nikmat keadilan yang diperolehi, Islam menentukan kewajipan menghormati segala tenaga yang bertanggungjawab menjalankan amanah dengan adil. Sebagai contoh Allah SWT menuntut agar umat Islam mentaati pemerintah atas segala keadilannya menjalankan tuntutan syarak. Firman Allah SWT:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اطِيعُوْا اللّٰهَ وَاَطِيعُوْا الرَّسُوْلَ وَاُوْلٰى الْاَمْرِ مِنْكُمْ فَاِنْ تَنَزَعْتُمْ فِيْ شَيْءٍ فَرُدُّوْهُ اِلَى اللّٰهِ وَالرَّسُوْلِ اِنْ كُنْتُمْ تُوْمِنُوْنَ بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الْاٰخِرِ
ذٰلِكَ خَيْرٌ وَّاَحْسَنُ تَاْوِيْلًا ﴿٤٩﴾

Maksudnya:

"Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah rasul(Nya), dan ulil Amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalilah ia kepada Allah (al-Qur'an) dan Rasul (Sunnahnya) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari Akhirat. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya." (Surah al-Nisa' [4]: 59)

³³ Thafīr al-Qāsimī (1990), *Nizām al-Hukm Fi al-Syarī'ah wa al-Tārīkh al-Islāmī*, Beirut: Dār al-Nafā'is, h. 26; Bastāmī Muḥammad Sa'īd (1984), *Maḥmūd Tajdīd al-Dīn*, Kuwait: Dār al-Da'wah.

Penerapan Nilai Keadilan Dalam Bidang Utama Kehidupan Masyarakat Bertamadun

Namun sebaliknya, ketidakadilan atau kezaliman dikira sebagai suatu kemungkaran. Setiap kemungkaran hendaklah dicegah. Berasaskan keterangan ini usaha, perjuangan dan jihad diperlukan untuk memastikan keadilan dapat ditegakkan. Rasulullah s.a.w. mengingatkan supaya umat Islam membantu saudaranya yang dizalimi dan yang melakukan kezaliman. Membantu pelaku zalim adalah dengan mencegahnya dari melakukan perbuatan zalim yang sedang dan telah dilakukan atau hendak dilakukannya. Dalam kenyataan yang lain pula, Rasulullah s.a.w, menyifatkannya jihad menegakkan kebenaran dan keadilan di hadapan pemerintah yang zalim adalah merupakan jihad yang utama. Pada hakikat sesuatu pemerintahan itu boleh kekal jika pemerintahnya memerintah dengan adil walaupun ia terdiri daripada kalangan orang bukan Islam. Sebaliknya, sesuatu pemerintahan tidak boleh kekal, jika ia dijalankan secara tidak adil dan zalim, walaupun pemerintahnya terdiri daripada orang Islam. Ini kerana dari sudut teori pemikiran Islam, para pemikir Islam hampir sependapat mempertegaskan bahawa sesuatu pemerintahan atau tamadun di dunia ini tertakluk kepada proses kitaran tamadun, di mana ia bertukar ganti antara suatu kuasa dengan kuasa yang lain disebabkan pelbagai faktor. Antara faktor utamanya ialah berlakunya perubahan-perubahan dalam sesebuah negara. Apabila suatu generasi yang mengambil alih pemerintahan berubah ke arah negatif, misalnya melakukan kezaliman, kuasa pemerintahannya akan diambil oleh kerajaan baru, begitu juga sebaliknya.³⁴ Dalam hubungan ini, Allah SWT pada ayat 54, surah al-Maidah menegaskan bahawa apabila sesuatu kelompok masyarakat yang berkuasa berpaling dari beriltizam dengan peraturan Allah SWT, maka Allah SWT akan mengalihkan kekuasaan yang dimilikinya ke tangan kaum lain yang bersedia melaksanakan pemerintahan berdasarkan nilai-nilai dan cara hidup yang baik dan bertepatan dengan ajaran Islam.

Berasaskan keterangan ini, perlu disadari bahawa setiap pimpinan dan yang dipimpin pada hakikatnya saling mempunyai tanggungjawab *awliya'* antara satu sama lain. Ini kerana masyarakat umum adalah mewakili *'khilāfah 'ām'* yang bertanggungjawab menegakkan amar makruf dan nahi mungkar di kalangan mereka, termasuk melalui kewajipan mencalon dan membuat pemilihan pemimpin terdiri daripada individu terbaik di kalangan mereka, dan mengawasi mereka melalui nasihat, teguran dan kritikan yang bermoral untuk menegakkan kebenaran dan keadilan. Manakala pimpinan pula adalah *'khilāfah khās'* yang bertanggungjawab dalam menegak kebaikan dan mencegah kemungkaran melalui penguasaan terhadap sistem dan institusi negara, agar ia berjalan secara beramanah dan adil, penyebaran dan pembudayaan nilai-nilai baik dan mencegah nilai-nilai buruk dalam masyarakat melalui

³⁴ Bandingkan pemikiran Ibn Khaldun dan pemikir Barat berhubung isu ini. Lihat Ahmad Mahmūd Ṣubḥī, Dr. (1975), *Fi Falsafah al-Tārīkh*, Iskandariah: Mu'assasah al-Thaqafiyah, h. 133.

peranan yang dimainkan dalam bidang pendidikan. Ia juga bertanggungjawab menyebarkan maklumat ke arah kebaikan kepada semua peringkat masyarakat, menjamin integriti dan kredibiliti institusi kehakiman dan memastikan institusi *Hisbah* berfungsi secara beramanah dan adil dalam masyarakat. Melalui kesedaran yang terpupuk dengan baik di kalangan barisan pimpinan dan masyarakat terhadap peranan masing-masing dan semua pihak memainkan peranan secara bermoral dan beretika, ia diharapkan akan dapat membina satu tamadun yang unggul dan masyarakat Islam yang berperadaban tinggi di kalangan umat manusia sejagat.